



MUHAMMAD YUSUF KHALID (kanan) bercakap pada Muzakarah Forum Silaturahim Kemakmuran Masjid Serantau (Forsimas) sempena Festival Masjid Sedunia Kedah 2014 di Alor Setar, Kedah, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Berbeza mazhab tidak sepatutnya berpecah

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

rafieazimi@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 23 OKT.

FAKTA sejarah yang membuktikan terdapat empat imam dari mazhab berbeza yang bersolat jemaah di Masjidil Haram suatu ketika dahulu membuktikan bahawa umat Islam tidak sepatutnya berpecah belah walaupun berbeza pandangan berhubung hal agama.

Pensyarah Program Dakwah dan Pengurusan Islam Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Muhammad Yusuf Khalid berkata, keadaan itu berbeza dengan hari ini apabila umat Islam saling bertelagah sehingga ada di antaranya sanggup memperkecilkan ulama termasuk Imam Shafie.

"Malangnya umat Islam terutama anak-anak muda hari ini terlalu emosional dan ego untuk mendengar pandangan orang lain sehingga terlalu mudah menyalahkan pihak lain.



Malangnya umat Islam terutama anak-anak muda hari ini terlalu emosional dan ego untuk mendengar pandangan orang lain sehingga terlalu mudah menyalahkan pihak lain."

MUHAMMAD YUSUF KHALID
Pensyarah Program Dakwah dan Pengurusan Islam Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

"Ditambah dengan bisikan iblis yang sememangnya mahu melihat umat Islam berpecah, akhirnya kita bertelagah sesama sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Muzakarah Forum Silaturahim Kemakmuran Masjid Serantau (Forsimas) sempena Fes-

tival Masjid Sedunia Kedah 2014 (Fesma14) di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Kenyataan itu dibuat bagi menjawab soalan moderator, Dr. Mohammad Nawar Ariffin yang mempersoalkan mengapa umat Islam hari ini masih gagal bersatu biar pun masing-masing mengaku merujuk kepada al-Quran, hadis serta ulama.

Mengulas lanjut, katanya, ramai masyarakat hari dilihat sudah hilang rasa hormat terhadap ulama dan lebih mempercayai rujukan di Internet berbanding kata-kata ilmuwan.

"Masalahnya kebanyakan anak muda hari ini lebih cenderung mempercayai 'Syekh Google' dalam isu-isu keagamaan berbanding bertanya atau merujuk ulama mahu pun ilmuwan.

"Setelah merujuk di internet, anak-anak muda yang tidak tahu berbahasa Arab dan tidak faham isi kandungan al-Quran ini berani pula menyanggah ulama. Itu bahaya," katanya.